

13 APR 2003

Khalil-Culik

KERAJAAN TIDAK HALANG JMTM TINGGALKAN IRAQ - KHALIL

KUANTAN, 13 April (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata kerajaan tidak akan menghalang jika Pasukan Bersama Media Malaysia (JMTM) meninggalkan Iraq berikutan kejadian dua petugas Mercy Malaysia cedera ditembak dan tiga anggota JMTM diculik selepas di diserang hendap di Baghdad semalam.

Bagaimanapun, katanya keputusan itu hanya diputuskan kerajaan dan tertakluk kepada maklumat balas daripada anggota JMTM di Iraq.

"Ini terpulang kepada mereka, mereka boleh memaklumkan kepada kita... kita punya orang media dari sana, mereka sepatutnya dapat memaklumkan kita, mereka boleh bagi tau kitalah...," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kuantan, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas sama ada kerajaan akan mengarahkan anggota JMTM meninggalkan Iraq berikutan keadaan huru-hara dan tidak terkawal di Iraq selepas Amerika Syarikat dan sekutunya menguasai negara Teluk itu.

Dalam insiden itu, Presiden Mercy Malaysia, Datuk Dr Jemilah Mahmood dan seorang lagi petugas, Dr Baba Deani cedera manakala wartawan yang diculik ialah jurufoto akhbar The New Straits Times Haji Anuar Hashim, jurukamera RTM Haji Omar Salleh dan wartawan akhbar The Sun Terence Fernandez.

Petang ini, Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengesahkan ketiga-tiga wartawan Malaysia yang diculik itu sudah dibebaskan tetapi butir-butir terperinci mengenai bagaimana mereka dibebaskan belum diketahui.

Khalil berkata soal mengenai anggota JMTM meninggalkan Iraq akan diputuskan kerajaan kerana kira-kira 2,000 wartawan cuba memasuki negara itu bagi membuat liputan yang lebih baik.

Ditanya mengenai laporan media berhubung perbuatan rakyat Iraq yang mencuri dan menyamun selain bergembira dengan kejatuhan rejim Presiden Saddam Hussein, Khalil berkata ramai rakyat Malaysia mahu tahu keadaan di sana mengikut gambaran media Malaysia kerana tidak berpuas hati dengan laporan media barat yang dianggap terlalu berat sebelah.

"(Papar media barat) ini macam terlalu menghina rakyat Iraq dan gambar yang dibuat macam memperbodohkan juga, mereka terlibat dengan kegiatan mencuri," katanya.

Khalil berkata anggota JMTM sudah pun mengumpul pelbagai bahan untuk dilaporkan dan rakyat Malaysia akan mendapat gambaran lebih jelas apabila mereka pulang kelak.

"Kita berpuas hati dengan kesanggupan mereka (JMTM) bekerja, memang ada risiko, dan mereka pun sedar. Kita selalu ingatkan mereka memang ada risiko, ini merupakan satu bentuk dedikasi kepada profesion yang boleh kita puji," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Khalil berkata apa yang berlaku di Iraq harus dijadikan iktibar oleh rakyat Malaysia terutamanya orang Melayu agar tidak berpecah-belah.

Beliau berkata laporan media mengenai keadaan huru-hara, kejadian mencuri dan pergaduhan di Baghdad jelas menunjukkan sesebuah masyarakat itu akan menjadi "pandir" (Pak Pandir) selepas ditindas dan menerima kesan akibat peperangan.

Justeru, Khalil berkata Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) akan berusaha memainkan peranan penting dalam

mengembalikan keamanan di Iraq selepas pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya itu.

-- BERNAMA

MS NAK